

Headline	Tabung Haji sedia sambut 30,200 jemaah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Jul 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	1,5	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	293 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,791
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,373



Urusan jemaah haji Malaysia lebih mudah

- Urusan kemasukan jemaah haji Malaysia ke Arab Saudi dipermudah bermula penerbangan pertama Sabtu ini.
- Menurut Kedutaan Besar Arab Saudi di Malaysia, melalui program 'Perkhidmatan Tetamu Allah' semua prosedur libatkan jemaah haji diurus di negara ini.
- Ia termasuklah urusan berkaitan cap jari, cop pasport di KLIA, prosedur ketibaan dan bagasi.
- Pengurus Besar Kanan Jabatan Haji Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, Malaysia terpilih laksana projek perintis itu ekoran hubungan baik antara kedua-dua negara.

BERITA DI MUKA 5

Headline	Tabung Haji sedia sambut 30,200 jemaah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Jul 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	1,5	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	293 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,791
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,373


Tabung Haji sedia sambut 30,200 jemaah

MADINAH 11 Julai – Lembaga Tabung Haji sudah bersedia menerima kehadiran 30,200 jemaah haji Malaysia yang akan menunaikan Rukun Islam kelima itu tahun ini dengan hampir keseluruhan persediaan sudah disiapkan.

Naib Konsul Haji Malaysia di Jeddah, Affandi Abdullah berkata, persiapan menyambut mereka sudah 80 peratus selesai dengan kumpulan pertama jemaah berkenaan akan tiba di sini pada pukul 10 pagi waktu tempatan, Sabtu ini.

Beliau yang juga Pengarah Operasi Madinah memberitahu, 20 penerbangan fasa pertama melibatkan 45 peratus daripada keseluruhan jemaah akan memasuki Madinah manakala 55 peratus lagi turun di Jeddah dan terus memasuki Mekah.

Katanya, fasa pertama jemaah yang akan tiba secara berpering-



NOR AZIAH JAAFAR
Melaporkan dari MADINAH, ARAB SAUDI

kat di Madinah dari 14 Julai hingga 2 Ogos ini akan dibawa ke sembilan bangunan penginapan yang boleh menempatkan 9,661 jemaah pada satu-satu masa dan mereka akan berada di sini kira-kira lapan hari sebelum memasuki Mekah.

“Bangunan penginapan jemaah di Madinah akan dibahagikan kepada tiga zon.

“Setiap zon disediakan beberapa perkhidmatan iaitu pejabat perkhidmatan zon, jadual pergerakan dan aktiviti, maklumat berkaitan ibadat haji, kaunter pengeluaran wang, klinik dan penghantaran berasi,” katanya dalam sidang akhbar

di sini hari ini.

Beliau memberitahu, terdapat perkhidmatan baharu disediakan untuk jemaah pada tahun ini iaitu kaunter pendaftaran kad sim prabayar STC yang turut akan dibuka di penginapan jemaah haji di Mekah.

Menurutnya, kad sim itu akan dibekalkan secara percuma kepada jemaah untuk membuat panggilan ke tanah air dan mereka hanya perlu mendaftar dengan dikenakan sedikit bayaran sahaja.

“Terdapat 187 orang petugas haji di Madinah dan mereka adalah sebahagian daripada 600 orang yang akan bertugas di sini, Jeddah dan Mekah pada musim haji 1439 Hijrah.

“Sebahagian mereka sudah tiba manakala baki akan tiba secara berperingkat bersama jemaah,” katanya.